



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**SEMPENA
PROGRAM KEUSAHAWANAN WANITA BANGKIT@KPWKM**

**PADA
11 FEBUARI 2023 (SABTU), JAM 11.00 PAGI**

**BERTEMPAT DI
DEWAN SALCRA BAJO TRAINING CENTRE
Lundu, Sarawak**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera kepada hadirin hadirat sekalian.

SALUTASI

LAMPIRAN SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, dapat kita berhimpun bersama-sama untuk Program Keusahawanan Wanita Bangkit @KPWKM anjuran Yayasan Kebajikan Negara (YKN).
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada puan-puan yang hadir pada hari ini atas semangat yang diberikan untuk menjadi wanita hebat, Wanita Bangkit dengan menyertai Program Keusahawan Wanita Bangkit@KPWKM ini.
3. Saya dimaklumkan peserta yang hadir pada pagi ini adalah seramai 250 dari kawasan Lundu. Saya amatlah gembira kerana kehadiran puan-puan di sini menunjukkan komitmen anda kepada program ini.

4. Program Wanita Bangkit @KPWKM ini diilhamkan untuk membawa wanita untuk bangkit daripada kesukaran, bangun daripada rebah dengan menjana pendapatan melalui bidang keusahawanan. Program ini memberikan insentif kepada golongan wanita untuk memulakan penjanaan pendapatan dengan modal kecil di dalam bidang e-dagang dan perniagaan secara kecil-kecilan yang tidak termasuk di bawah skim di Kementerian Keusahawan, TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).
5. Program ini juga dilaksanakan menggunakan pendekatan *psychoeducation* melalui Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) bagi meningkatkan kesedaran serta menggalakkan penerokaan ilmu baharu melalui sokongan emosi kepada golongan wanita agar lebih bersedia untuk memulakan kehidupan yang baru akibat penceraian, penderaan dari segi fizikal atau emosi, peningkatan kos sara hidup atau hilang punca pendapatan kesan Pandemik Covid-19.
6. Program ini juga bertujuan untuk memperkasakan ekonomi kumpulan sasar khususnya golongan wanita

dengan mengoptimumkan potensi individu berdasarkan bidang kemahiran mereka agar tidak terus bergantung kepada bantuan kerajaan sepenuhnya.

7. Peserta Program Keusahawanan Wanita Bangkit @ KPWKM ini akan dinilai, dipantau dan mengikuti kursus oleh jabatan / agensi kerajaan seperti INSKEN, PERKESO serta perkongsian pengalaman dan tips daripada usahawan yang telah berjaya bagi mempersiapkan diri para peserta untuk menceburi bidang perniagaan.
8. Melalui program ini seramai 15,620 wanita telah mendapat manfaat bantuan MyKasih Kapital dan menjalankan perniagaan yang mereka ceburi sejak ia mula dilancarkan. Dalam jelajah lawatan kerja saya di Sarawak pada bulan lepas, seramai 600 peserta telah menghadiri kursus Program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital yang meliputi peserta dari Tanjung Manis, Sibu, Bekenu, Bandar Miri dan Pantai Damai.
9. Minggu depan, kami akan mengadakan program ini di Kuching dan kami menjangkakan seramai 1000 peserta akan mengikuti Program Wanita Bangkit@KPWKM ini.

10. Di sini saya ingin menyeru supaya peserta-peserta program ini dapat membantu wanita lain, mungkin dengan memberi peluang pekerjaan ataupun melalui perkongsian ilmu sesama sendiri.
11. Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM ini bertujuan untuk memperkasakan wanita di seluruh negara termasuklah di Sarawak. Program ini melatih dan memberi sokongan kepada wanita untuk memulakan perniagaan sehingga mampu berdikari dari segi ekonomi, terutamanya wanita yang hilang pendapatan, pencari nafkah utama atau ibu tunggal.
12. Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Rakan Strategik YKN yang sentiasa menyokong dan bekerjasama dengan YKN dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi khususnya wanita.

Sekian, terima kasih.